KARYA ILHAM PUBLISHING
CONNECTING MINDS, BRIDGING IDEAS, INSPIRING READERS

Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences

Journal homepage:
https://karyailham.com.my/index.php/jarsbs/index
ISSN: 2462-1951



Tingkah Laku Pengguna Siber dan Penapisan Kendiri: Analisis Bibliometrik
Cyber User Behavior and Self-Censorship: A Bibliometric Analysis

Siti Aisyah Mazlan[1], Mazni Muslim[1,*], Nurma Abdul Manap[1] , Maimanah Samsuri[1], Hanani Mohamed Hamdan[1]

[1] Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pahang Kampus Raub, 27600 Raub, Pahang, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:
Received 1 October 2026
Received in revised form 6 November 2026
Accepted 10 November 2026
Available online 16 November 2026

ABSTRACT

Perkembangan teknologi digital telah mengubah corak interaksi dan tingkah laku pelajar dalam ruang siber, sekali gus menimbulkan pelbagai cabaran berkaitan etika komunikasi, keselamatan siber dan penapisan kendiri. Walaupun penyelidikan berkaitan tingkah laku siber dan penapisan kendiri pelajar semakin berkembang, landskap penyelidikan global serta kaitannya dengan nilai adab digital Islam masih belum dipetakan secara menyeluruh. Kajian ini bertujuan mengenal pasti trend perkembangan penerbitan global berkaitan tingkah laku pelajar dan penapisan kendiri dalam penggunaan siber serta menilai hubungannya dengan adab digital Islam. Kajian menggunakan pendekatan analisis bibliometrik terhadap 147 artikel yang diperoleh daripada pangkalan data Scopus bagi tempoh bermula tahun 2010 sehingga 2026. Data dianalisis menggunakan perisian VOSviewer melalui analisis sitasi, jaringan kerjasama pengarang dan negara, gandingan bibliografi serta kejadian bersama kata kunci. Dapatan menunjukkan bahawa tahun 2025 mencatatkan jumlah penerbitan tertinggi dengan 102 artikel. Artikel It's Complicated: The Social Lives of Networked Teens oleh Danah Boyd merupakan artikel paling banyak disitasi dengan 2,515 sitasi. Dari aspek negara, Amerika Syarikat menunjukkan produktiviti tertinggi, diikuti United Kingdom, Australia, China dan Kanada. Analisis kata kunci menunjukkan beberapa tema dominan, antaranya social media, human, cyberbullying dan fake news. Dapatan turut menunjukkan tema berkaitan misinformation, disinformation, hate speech, harassment, cybersecurity, data privacy dan ethical technology yang dapat ditafsirkan melalui prinsip adab digital Islam seperti tabayyun, kawalan kendiri, penjagaan maruah, privasi, amanah dan tanggungjawab. Kajian ini menyumbang kepada bidang pendidikan dan tingkah laku digital dengan memperluas pemahaman tentang pembentukan tingkah laku siber yang beretika serta mengintegrasikan perspektif adab digital Islam dalam landskap penyelidikan global.

The development of digital technology has transformed the patterns of interaction and behaviour among students in cyberspace, giving rise to various challenges regarding communication ethics, cybersecurity, and self-censorship. Although research on students' cyber behaviour and self-censorship is growing, the global research landscape and its connection to Islamic digital etiquette

* *Corresponding author.*
E-mail address: maznimus@uitm.edu.my

https://doi.org/10.37934/arsbs.17.4.XX

values have not been fully mapped. This study aims to identify the trends in global publication growth related to students' behaviour and self-censorship in cyber usage, as well as to evaluate its relationship with Islamic digital etiquette. The study employs a bibliometric analysis approach on 147 articles retrieved from the Scopus database, from 2010 to 2026. Data were analysed using VOSviewer software through citation analysis, author and country co-authorship networks, bibliographic coupling, and keyword co-occurrence. The findings reveal that 2025 recorded the highest number of publications with 102 articles. The article It's Complicated: The Social Lives of Networked Teens by Danah Boyd emerged as the most cited article, with 2,515 citations. In terms of geographical distribution, the United States demonstrated the highest productivity, followed by the United Kingdom, Australia, China, and Canada. Keyword analysis highlighted several dominant themes, including social media, human, cyberbullying, and fake news. The findings also revealed themes related to misinformation, disinformation, hate speech, harassment, cybersecurity, data privacy, and ethical technology, which can be interpreted through the principles of Islamic digital etiquette, such as tabayyun (verification of information), self-control, preservation of dignity, privacy, trust (amanah), and responsibility. This study contributes to the fields of education and digital behaviour by broadening the understanding of ethical cyber behaviour formation and integrating the perspective of Islamic digital etiquette into the global research landscape.

Keywords:

Tingkah laku siber; penapisan kendiri; pelajar; analisis bibliometrik; VOSviewer; adab digital Islam; etika digital

Cyber behaviour; self-censorship; students; bibliometric analysis; VOSviewer; Islamic digital adab; digital ethics

1. Pengenalan

Perkembangan pesat ekosistem digital dan media sosial telah mengubah corak interaksi serta norma komunikasi dalam kalangan masyarakat, khususnya golongan pelajar. Ruang siber menyediakan peluang yang luas untuk bertukar maklumat, berkomunikasi dan membina jaringan sosial. Namun demikian, kebebasan tersebut turut membawa cabaran berkaitan etika dan tingkah laku pengguna. Menurut kajian, kesan penyahsekat atas talian berlaku apabila ketiadaan kehadiran fizikal dan unsur ketanpanamaan (anonymity) mengurangkan rasa akauntabiliti individu terhadap tindakan mereka [1]. Keadaan ini boleh mendorong kepada tingkah laku negatif seperti buli siber (cyberbullying), ucapan kebencian (hate speech) serta penyebaran maklumat palsu (misinformation dan disinformation).

Dalam konteks pendidikan tinggi, penggunaan ruang siber bukan lagi terhad kepada tujuan pembelajaran, sebaliknya telah menjadi sebahagian daripada kehidupan sosial dan komunikasi pelajar. Media sosial membolehkan pelajar berkongsi pandangan dan menyertai perbincangan secara terbuka, tetapi pada masa yang sama mendedahkan mereka kepada risiko seperti pencerobohan privasi dan pelanggaran etika komunikasi. Oleh itu, literasi digital perlu melangkaui kemahiran menggunakan teknologi dengan merangkumi keupayaan membuat pertimbangan yang bertanggungjawab terhadap tindakan dan komunikasi dalam ruang digital [2].

Salah satu aspek penting dalam tingkah laku pengguna siber ialah penapisan kendiri (self-censorship). Penapisan kendiri merujuk kepada tindakan individu menahan, mengubah suai atau membatalkan sesuatu kandungan sebelum diterbitkan atau dikongsikan kepada khalayak [3]. Dalam media sosial, fenomena ini menjadi semakin signifikan kerana pengguna berhadapan dengan khalayak yang pelbagai dan sukar dikenal pasti. Pengguna perlu mempertimbangkan kesesuaian kandungan, kemungkinan khalayak melihatnya serta reaksi yang mungkin diterima. Kajian menunjukkan bahawa pengguna menggunakan penapisan kendiri dan strategi kawalan kandungan bagi mengurus hubungan antara khalayak, privasi dan pendedahan diri [4]. Justeru, penapisan kendiri bukan sahaja berkaitan kebimbangan untuk bersuara, tetapi turut berfungsi sebagai mekanisme pengurusan khalayak, privasi dan identiti dalam talian.

Selain perspektif Barat yang melihat penapisan kendiri sebagai mekanisme defensif berkaitan social anxiety, context collapse dan imagined audience, perspektif Islam menawarkan dimensi yang

berbeza. Penapisan kendiri boleh dilihat sebagai bentuk disiplin diri positif yang berteraskan konsep hifz al-lisan, muraqabah, tabayyun, hifz al-'irdh dan sidq. Prinsip-prinsip ini menekankan penjagaan pertuturan, verifikasi fakta, pemeliharaan maruah serta kejujuran dalam komunikasi digital. Pendekatan ini relevan dalam menangani isu seperti maklumat palsu, ucapan kebencian, gangguan siber dan keselamatan digital.

Perkembangan penyelidikan berkaitan tingkah laku siber dan penapisan kendiri menunjukkan peningkatan ketara, khususnya mulai tahun 2022 dan mencapai kemuncak pada tahun 2025. Antara tema dominan ialah social media, cyberbullying, misinformation, fake news, mental health, communication dan cyber security. Kepelbagaian tema ini membuktikan bahawa bidang tersebut merentasi disiplin komunikasi, pendidikan, psikologi, keselamatan siber dan etika.

Sehubungan itu, analisis bibliometrik merupakan pendekatan yang sesuai untuk memetakan perkembangan penyelidikan secara sistematik. Kaedah ini membolehkan penyelidik mengenal pasti trend penerbitan, artikel dan pengarang berpengaruh, institusi serta negara yang produktif, jaringan kerjasama dan tema penyelidikan yang berkembang [5]. Oleh itu, kajian "Tingkah Laku Pengguna Siber dan Penapisan Kendiri: Analisis Bibliometrik" dijalankan bagi memetakan perkembangan penyelidikan global serta mengenal pasti tema dan jurang kajian dalam bidang tersebut. Pengintegrasian dapatan bibliometrik dengan perspektif adab digital Islam diharapkan dapat memperkukuh perbincangan tentang pembentukan pengguna siber yang bukan sahaja celik digital, tetapi turut mengamalkan kawalan kendiri, tanggungjawab moral dan etika dalam penggunaan teknologi.

1.1 Objektif Kajian

O1: Mengenal pasti trend perkembangan penerbitan global berkaitan tingkah laku pelajar dalam penggunaan siber melalui analisis bibliometrik.

O2: Mengenal pasti trend perkembangan penerbitan global berkaitan penapisan kendiri (self-censorship) pelajar dalam penggunaan siber melalui analisis bibliometrik.

O3: Menganalisis hubungan antara dapatan analisis bibliometrik dengan konsep adab digital Islam dalam membentuk tingkah laku pengguna siber yang beretika.

1.2 Persoalan Kajian

S1. Apakah trend penyelidikan global berkaitan tingkah laku siber dan penapisan kendiri pelajar berdasarkan analisis bibliometrik?

S2. Apakah artikel yang paling banyak menerima sitasi dan siapakah pengarang yang paling berpengaruh dalam penyelidikan berkaitan tingkah laku siber dan penapisan kendiri pelajar?

S3. Siapakah pengarang dan organisasi berafiliasi yang paling produktif dalam penyelidikan berkaitan tingkah laku siber dan penapisan kendiri pelajar?

S4. Apakah tema utama dan topik baharu yang muncul dalam penyelidikan berkaitan tingkah laku siber dan penapisan kendiri pelajar?

S5. Negara manakah yang memberikan sumbangan signifikan dan mempunyai impak sitasi tertinggi dalam penyelidikan berkaitan tingkah laku siber dan penapisan kendiri pelajar?

2. Tinjauan Literatur

2.1 Tingkah Laku Siber

Tingkah laku siber (cyber behaviour) adalah bagaimana persekitaran digital menstruktur semula psikologi dan corak komunikasi individu dan masyarakat. Asas kefahaman ini berasal daripada teori kesan penyahsekat atas talian yang menggariskan bahawa individu cenderung bertindak lebih bebas dan melampaui batasan norma biasa apabila berkomunikasi di ruang maya berbanding secara bersemuka [1]. Ketiadaan kehadiran fizikal, komunikasi tak segerak (asynchronicity), serta ilusi ketanpanamaan (dissociative anonymity) mengurangkan kepekaan sosial dan memisahkan individu daripada akauntabiliti tindakan mereka. Walaupun penyahsekatan ini mampu mendorong perkongsian emosi yang positif, ia lebih kerap cenderung kepada perbuatan/tingkah laku toksik yang menyebabkan perlakuan agresif seperti buli siber, pelecehan teks, perlakuan mengintai secara maya, dan penghinaan terbuka.

Dalam konteks penggunaan internet bagi golongan pelajar dan belia, ketiadaan maklum balas emosi secara visual menyebabkan kemerosotan empati digital yang ketara. Keadaan ini semakin memburuk dengan fenomena penularan misinformasi dan disinformasi terancang, di mana maklumat tidak sahih disebarkan secara pantas demi mengejar pengesahan sosial dalam ekonomi perhatian. Algoritma platform yang mengutamakan kandungan sensasi turut mewujudkan ruang gema yang melahirkan ruang bagi ucapan kebencian dan kerosakkan keharmonian masyarakat.

Bagi mengatasi ketempangan etika ini, integrasi adab digital Islam menawarkan kerangka pembetulan tingkah laku yang berteraskan prinsip ketuhanan dan moraliti intrinsik [6]. Konsep muraqabah—iaitu kesedaran mendalam bahawa setiap perbuatan, penulisan, dan interaksi digital sentiasa diawasi oleh Allah SWT—berfungsi sebagai pasak utama dalam membina benteng psikospiritual pengguna. Tingkah laku menyebarkan maklumat tanpa usul periksa diimbangi secara langsung oleh kewajipan melaksanakan tabayyun (menyelidik dan memverifikasi kebenaran fakta sebelum disebarkan, berpandukan Surah Al-Hujurat: 6). Tambahan pula, nilai hifz al-'irdh (menjaga maruah dan kehormatan manusia) serta sidq (kejujuran dalam pertuturan) mengarahkan tingkah laku siber ke arah pembentukan persekitaran digital yang selamat, berintegriti, dan bebas daripada perlakuan zalim seperti fitnah mahupun pengumpatan siber (ghibah).

2.2 Penapisan Kendiri

Penapisan kendiri (self-censorship) dalam komunikasi digital ditakrifkan sebagai tindakan menahan, menyunting, atau membatalkan penzahiran maklumat, pandangan, atau ekspresi diri secara sukarela sebelum ia dikongsi kepada umum. Dalam analisis empirikal berskala besar oleh Das dan Kramer yang melibatkan 3.9 juta pengguna platform media sosial Facebook, didapati bahawa 71% daripada pengguna melakukan penapisan kendiri saat akhir (last-minute self-censorship) sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh pemantauan [3]. Dapatan tersebut membuktikan bahawa perbuatan menaip kandungan tetapi membatalkannya sebelum diterbitkan merupakan norma tingkah laku yang meluas dalam kalangan pengguna rangkaian.

Kajian tersebut menunjukkan bahawa kiriman status ditapis pada kadar yang jauh lebih tinggi (33%) berbanding komen (13%). Kecenderungan ini berhubung kait secara langsung dengan persepsi terhadap audiens sasaran dan ketidakpastian audiens. Komen lazimnya dilampirkan pada konteks perbincangan yang terikat dengan audiens yang lebih jelas, manakala status disiarkan kepada keseluruhan rangkaian sosial yang bersifat terbuka dan rencam.

Asas sosiologikal kepada penapisan kendiri diperjelaskan secara mendalam melalui teori runtuhan konteks (context collapse) dan audiens khayalan (imagined audience) yang dirumuskan

oleh Marwick dan Boyd [7]. Dalam kehidupan fizikal, individu mengamalkan pengasingan audiens (audience segregation) mengikut teori pengurusan impresi Erving Goffman [8], di mana peranan yang dimainkan di hadapan rakan diselaraskan secara berasingan daripada interaksi bersama keluarga atau majikan. Namun demikian, media sosial meruntuhkan sempadan sosial yang pelbagai ini ke dalam satu suapan maklumat tunggal.

Oleh kerana pengguna tidak dapat mengenal pasti audiens yang membaca kiriman mereka, mereka membina 'audiens khayalan' dan terpaksa melaraskan wacana mereka kepada 'penyebut sepunya terkecil' (lowest common denominator) bagi mengelakkan konflik, penghakiman sosial, ancaman 'pembatalan' (cancel culture), atau pemulauan. Akibatnya, penapisan kendiri dalam literatur Barat sering dilihat sebagai mekanisme defensif atau sekatan kebebasan bersuara yang didorong oleh kebimbangan sosial.

Sebaliknya, perspektif adab digital Islam merekonseptualisasikan penapisan kendiri daripada sekadar rasa takut kepada penghakiman manusia kepada bentuk disiplin diri yang aktif dan mulia (positive ethical self-regulation). Dalam tradisi keilmuan Islam, amalan menapis ucapan dikenali sebagai hifz al-lisan (menjaga lidah daripada perkara sia-sia dan dosa), yang ditransformasikan dalam era siber sebagai menjaga jari dan pena digital. Melalui kerangka al-Ta'lil bi al-Hikmah dan prinsip Maqasid Syariah pada peringkat mikro, pengguna mengaplikasikan penapisan kendiri berlandaskan pertimbangan mendalam antara maslahah (kebajikan) dan mafsadah (kemudaratan).

Penapisan kendiri berteraskan adab melibatkan tiga teras utama: pertama, daf‘ al-darar (menolak kemudaratan), iaitu menahan diri daripada menyiarkan pandangan yang boleh mencetuskan permusuhan, fitnah, atau memecahbelahkan masyarakat; kedua, satr al-‘awrat (menutup aib dan memelihara kerahsiaan), iaitu menapis maklumat peribadi diri dan orang lain demi menjaga kehormatan; dan ketiga, tuntutan qawlan sadidan (berkata benar dan tepat), iaitu menyekat maklumat yang diragui keabsahannya. Dengan demikian, penapisan kendiri berubah daripada satu bentuk kekangan psikososial yang pasif kepada manifestasi hikmah, kematangan intelek, dan ketakwaan digital [6].

2.3 Krisis Falsafah dan Kehilangan Adab Siber

Tingkah laku pengguna siber yang negatif sering kali berakar umbi daripada krisis moral dan etika. Berdasarkan pemikiran Syed Muhammad Naquib al-Attas yang dikaji, didapati krisis utama yang melanda umat Islam pada hari ini ialah masalah kehilangan adab [9]. Kehilangan adab dalam konteks falsafah merujuk kepada kegagalan individu untuk meletakkan sesuatu perkara pada tempatnya yang hak, yang akhirnya membawa kepada kekacauan ilmu [9].

Di alam siber, kemelut ini terjelma dalam bentuk keterputusan moral kerana pengguna gagal menyatukan antara ilmu pengetahuan dengan disiplin moral (adab) ketika berinteraksi menggunakan peranti digital. Oleh hal yang demikian, proses penapisan kendiri perlu dikembalikan kepada konsep ta'dib, iaitu sebuah proses pendidikan holistik yang menggabungkan elemen intelektual, moral, dan spiritual secara syumul [9]. Melalui pemahaman ta'dib ini, penapisan kendiri bukan lagi dilihat sekadar satu keperluan teknikal, tetapi bertindak sebagai tuntutan epistemologi bagi memastikan setiap interaksi selari dengan nilai akidah.

2.4 Pengantaraan Teknologi dan Krisis Epistemik

Selain kelemahan dalaman individu, tingkah laku pengguna siber turut dibentuk oleh reka bentuk teknologi itu sendiri. Menerusi kajian yang menggunakan teori pengantaraan teknologi oleh Peter-Paul Verbeek, teknologi tidak bersifat neutral, sebaliknya ia bertindak sebagai entiti aktif yang

mencorakkan persepsi, interpretasi, dan tindakan moral manusia [10]. Kemunculan teknologi kecerdasan buatan (AI) generatif seperti deepfake telah mencipta krisis perwakilan digital, di mana garis pemisah antara kebenaran (ṣidq) dan kepalsuan menjadi semakin kabur [10]. Keadaan ini telah melahirkan sebuah hiperrealiti (berdasarkan teori Jean Baudrillard) di mana imej simulasi seolah-olah menggantikan realiti sebenar. Akibatnya, kebenaran di ruang siber telah beranjak daripada kriteria rujukan realiti fizikal kepada sejauh mana maklumat itu kelihatan meyakinkan. Krisis epistemik ini secara langsung mengancam maqasid al-shariah, khususnya dalam memelihara akal (ḥifẓ al-ʿaql) daripada manipulasi dan menjaga maruah (ḥifẓ al-ʿirḍ) daripada eksploitasi seperti pornografi deepfake [10]. Bagi menangani ancaman ini, penapisan kendiri perlu merangkumi reka bentuk etika (moral design), di mana nilai moral disuntik ke dalam teknologi tersebut seperti teknologi pengesanan deepfake yang bertindak sebagai "hisbah digital".

2.5 Patologi Sosial Siber dan Implikasi terhadap Moral

Pengabaian adab dan kegagalan mempraktikkan penapisan kendiri telah memanifestasikan pelbagai gejala patologi sosial di ruang maya. Sepanjang pandemik COVID-19 dan perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun 2020, aduan jenayah siber di Malaysia melonjak sebanyak 91.37%, merangkumi kes penipuan dalam talian, kecurian data, buli siber, dan penggodaman [11]. Peningkatan mendadak ini turut disokong oleh dapatan kajian yang menekankan bahawa penyebaran berita palsu kini menjadi semakin kronik, dengan lebih daripada 500 kes dilaporkan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) di antara tahun 2020 hingga 2023 [12]. Tambahan pula, keghairahan mengejar populariti murahan telah mendorong segelintir pengguna untuk memuat naik kandungan tidak bermoral, mendedahkan aurat, atau menggunakan aplikasi seperti “Litmatch” yang menggalakkan percampuran jantina secara bebas [12]. Keadaan ekstrem turut direkodkan apabila wujud individu yang tergamak meruntuhkan imej Islam dengan mempermainkan agama, misalnya memuat naik hantaran mengisytiharkan murtad atau mendakwa diri sebagai nabi semata-mata untuk meraih perhatian awam. Kesan sosio-psikologi daripada jenayah seperti buli siber ini amat serius kerana ia menyebabkan mangsa mengalami kemurungan, tekanan emosi yang mendalam, dan wujudnya kecenderungan untuk membunuh diri [12].

2.6 Etika Komunikasi dan Toleransi Era Society 5.0

Bagi memupuk penapisan kendiri yang mapan, masyarakat perlu dididik dengan etika komunikasi siber berlandaskan Islam. Interaksi siber perlu disandarkan kepada konsep tabayyun (meneliti dan menapis kesahihan maklumat) sepertimana tuntutan Surah al-Hujurat ayat 6, yang merangkumi penilaian kredibiliti sumber, penapisan kandungan, dan analisis impak penyebaran bagi mengekang penularan fitnah [11]. Dalam menjaga kesantunan bahasa, etika siber Islam turut menggariskan kewajipan untuk menghormati privasi pihak lain dengan menjauhi amalan intipan (tajassus) berpandukan Surah al-Hujurat ayat 12, di samping membudayakan komunikasi berhikmah dalam usaha menegakkan amar makruf nahi munkar [11]. Pada masa yang sama, transformasi kehidupan manusia ke arah era Society 5.0 yang berteraskan integrasi kecerdasan buatan (AI) dan Internet Benda (IoT) telah membawa paradoks sosial kepada masyarakat [13]. Walaupun teknologi dibangunkan untuk menyejahterakan manusia, kebergantungan yang melampau kepada internet telah menyuburkan sikap individualistik yang ekstrem, memudarkan rasa solidariti, dan menimbulkan kesepian sosial [13]. Akibat daripada keterasingan sosial ini, pengguna menjadi lebih rentan untuk terpengaruh dengan idea-idea radikal, ujaran kebencian (hate speech), dan fahaman

intoleran. Dalam membina ekosistem siber yang positif, generasi belia harus bangkit sebagai agen perubahan untuk menyebarkan mesej harmoni dan mempertahankan tahap Indeks Kerukunan Umat Beragama (KUB), seterusnya mematikan bibit-bibit perpecahan yang berpunca daripada kelemahan penapisan kendiri.

3. Metodologi Kajian

Bibliometrik melibatkan pengumpulan, pengurusan, dan penganalisisan data bibliografi daripada penerbitan saintifik [14]. Selain statistik asas seperti jurnal, tahun penerbitan, dan pengkategorian pengarang, bibliometrik juga merangkumi teknik lanjutan seperti analisis ko-petikan dokumen [15]. Proses lelaran (iteratif) yang menggabungkan kata kunci yang sesuai, carian literatur, dan analisis adalah amat penting bagi menjamin kajian literatur yang baik, pembangunan bibliografi, serta penghasilan dapatan yang boleh dipercayai [16]. Bahagian seterusnya merangkumi penggunaan frasa carian, penyaringan awal keputusan carian, dan penyemakan semula keputusan carian. Sesebuah makalah yang berkualiti akan menyertakan faktor impak daripada Clarivate Analytics Journal Citation Reports (JCR) [17].

Oleh itu, kajian ini memberi tumpuan kepada penerbitan berkualiti tinggi untuk meneroka perspektif teoretikal bagi topik penyelidikan ini. Data daripada pangkalan data Elsevier Scopus telah digunakan untuk mengumpul bukti. Pangkalan data tersebut, yang ditubuhkan pada tahun 2004 oleh Elsevier, mengandungi lebih daripada 77.8 juta entri selepas tahun 1969, termasuk penerbitan yang dinilai oleh rakan sejawat (peer-reviewed), jurnal perdagangan, siri buku, dan acara saintifik [18].

Kajian ini menggunakan pendekatan analisis bibliometrik dengan sokongan analisis kandungan kualitatif bagi meneliti perkembangan penyelidikan global berkaitan tingkah laku pelajar dalam penggunaan siber dan penapisan kendiri (self-censorship). Pendekatan bibliometrik digunakan untuk mengenal pasti pola perkembangan penerbitan, artikel berimpak tinggi, pengarang utama, institusi berpengaruh, negara penyumbang serta tema penyelidikan yang berkembang dalam bidang tersebut. Seterusnya, dapatan bibliometrik dianalisis secara konseptual melalui pendekatan analisis kandungan bagi meneliti kaitannya dengan prinsip adab digital Islam, khususnya aspek kawalan kendiri, tanggungjawab moral, etika komunikasi dan penggunaan teknologi secara berhemah.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan urutan saringan pada 18 Ogos 2026 untuk menentukan istilah carian bagi pengeluaran artikel. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kepustakaan berasaskan analisis bibliometrik. Analisis bibliometrik merupakan kaedah sistematik yang digunakan untuk mengukur dan memetakan perkembangan sesuatu bidang ilmu melalui data penerbitan akademik. Pendekatan ini membolehkan penyelidik mengenal pasti corak pertumbuhan literatur, struktur pengetahuan, jaringan penyelidikan dan kecenderungan tema berkaitan tingkah laku siber serta penapisan kendiri pelajar.

Selain itu, kajian ini turut menggunakan analisis kandungan kualitatif untuk mentafsir dapatan bibliometrik berdasarkan kerangka adab digital Islam. Analisis ini bertujuan mengenal pasti bagaimana konsep seperti tanggungjawab dalam komunikasi, kesantunan digital, kawalan diri dan etika penggunaan teknologi dapat dikaitkan dengan pembentukan tingkah laku siber yang beretika. Data telah diperoleh daripada pangkalan data Scopus menggunakan rentetan carian ALL (students AND cyber AND behavior AND self- AND censorship) AND PUBYEAR > 2009 AND PUBYEAR < 2027 dan ditapis untuk tahun penerbitan 2010–2026.

3.2 Data Analisis

Data dianalisis menggunakan pangkalan data Scopus (2010–2026) menggunakan perisian VOSviewer versi 1.6.21. Set data tersebut mengandungi maklumat mengenai tahun penerbitan penyelidikan, tajuk, pengarang, jurnal, sitasi, dan kata kunci dalam format PlainText. Teknik pengelompokan (clustering) dan pemetaan VOS telah digunakan untuk analisis dan pembentukan peta. Matlamat VOSviewer, sama seperti kaedah Multidimensional Scaling (MDS) [19], adalah untuk menyusun objek dalam ruang dua dimensi supaya jarak di antara objek tersebut mencerminkan keterkaitan dan kesamaannya dengan tepat [20]. Berbanding dengan MDS yang menumpukan terutamanya pada pengiraan ukuran kesamaan seperti indeks kosinus dan Jaccard, VOS menggunakan kaedah yang lebih sesuai untuk menormalkan frekuensi kemunculan bersama (co-occurrence frequencies), seperti kekuatan gabungan (association strength, ASij), yang dikira sebagai:

$$ASij = \frac{Cij}{Wiwj}$$

Nilai ini adalah "berkadar terus dengan nisbah antara bilangan kali “i” dan “j” muncul bersama seperti yang diperhati, dengan bilangan kali kedua-duanya muncul bersama seperti yang dijangka, berasaskan andaian bahawa kedua-duanya saling bebas secara statistik" [19]. Kesimpulannya, VOSviewer menggunakan indeks ini untuk menyusun objek pada peta selepas meminimumkan jumlah hasil tambah berwajaran bagi jarak kuasa dua antara setiap pasangan item. Dinormalkan bahawa penormalan LinLog/modulariti telah digunakan [20]. Analisis seperti kemunculan bersama kata kunci, analisis sitasi, dan analisis ko-sitasi telah dijalankan, manakala corak berasaskan korelasi matematik ditemui dengan mengaplikasikan kaedah visualisasi menggunakan VOSviewer pada set data tersebut.

Oleh yang demikian, VOSviewer menggunakan indeks ini untuk menyusun objek pada peta selepas meminimumkan jumlah hasil tambah berwajaran bagi jarak kuasa dua antara setiap pasangan item. Dinormalkan bahawa penormalan LinLog/modulariti telah digunakan [20]. Analisis seperti kemunculan bersama kata kunci, analisis sitasi, dan analisis ko-sitasi telah dijalankan, dan corak berasaskan korelasi matematik telah ditemui dengan mengaplikasikan kaedah visualisasi menggunakan VOSviewer pada set data tersebut. Dengan menggunakan analisis kemunculan bersama istilah, seseorang boleh menjejaki evolusi sesuatu bidang penyelidikan mengikut peredaran masa [21] dan menemui subjek tumpuan (hot topics) merentasi pelbagai disiplin. Sebaliknya, analisis sitasi boleh membantu anda mengenalpasti topik penyelidikan, trend, dan kaedah yang penting di samping membongkar kepentingan sejarah bagi bidang berkenaan [23]. Sebagai alatan bibliometrik yang kerap digunakan, analisis ko-sitasi dokumen [16,17,23] menggunakan peta berasaskan teori rangkaian untuk memencilkan struktur data yang penting kepada penyelidikan tersebut [23].

4. Analisis dan Perbincangan

Tema 1: Trend penyelidikan global berkaitan tingkah laku siber dan penapisan kendiri pelajar berdasarkan analisis bibliometrik



Rajah 1. Dokumen penerbitan mengikut tahun

Jadual 1
Dokumen penerbitan mengikut tahun

Year	Document
2026	73
2025	102
2024	97
2023	91
2022	67
2021	48
2020	51
2019	39
2018	47
2017	35
2016	39
2015	31
2014	15
2013	28
2012	26
2011	12
2010	17

Rajah dan Jadual 1 menunjukkan trend pertumbuhan penerbitan tahunan dari tahun 2010 sehingga 2026. Secara keseluruhannya, data tersebut memaparkan trend pertumbuhan yang amat positif, dengan lonjakan drastik bermula dari tahun 2022 hingga berjaya mencapai kemuncaknya pada tahun 2025 dengan rekod penerbitan melebihi 100 dokumen. Sekiranya diteliti pada fasa awal, antara tahun 2010 hingga 2020, kadar penerbitan didapati agak perlahan dan bervariasi (17 dokumen sehingga 67 dokumen) berikutan beberapa siri penurunan kecil yang dicatatkan pada tahun 2011 (12 dokumen), 2014 (15 dokumen), dan 2019 (39 dokumen). Walau bagaimanapun, penurunan mendadak yang ditunjukkan pada tahun 2026 tidak boleh diambil kira sebagai penurunan dokumen penerbitan. Sebaliknya, hal ini berlaku semata-mata kerana proses pengumpulan data atau dokumen masih berjalan dan tahun 2026 masih belum berakhir sepenuhnya.

Tema 2: Artikel yang paling banyak menerima sitasi dan pengarang yang paling berpengaruh dalam penyelidikan berkaitan tingkah laku siber dan penapisan kendiri pelajar

Jadual 2
Senarai 10 penerbitan utama dengan jumlah sitasi (cited by)

No.	Authors	Title	Year	Cited by	Affiliations	Publisher
1	Boyd D.	It's complicated: The social lives of networked teens	2014	2515	Microsoft Research, New York University, United States; Berkman Center for Internet and Society, Harvard University, United States	Yale University Press
2	Roberts M.E.	Censored: DISTRACTION AND DIVERSION INSIDE CHINA'S GREAT FIREWALL	2018	567	University of California, San Diego, United States	Princeton University Press
3	Nardi B.	My life as a Night Elf Priest: An anthropological account of world of warcraft	2010	546		University of Michigan Press
4	Stockmann D.	Media commercialization and authoritarian rule in China	2010	482	Leiden University, Netherlands	Cambridge University Press
5	Vaidhyanathan S.	The Googlization of Everything: (and why we should worry)	2011	411	University of Virginia, United States	University of California Press
6	Aceto G.; Persico V.; Pescapé A.	A Survey on Information and Communication Technologies for Industry 4.0: State-of-the-Art, Taxonomies, Perspectives, and Challenges	2019	401	Department of Electrical Engineering and Information Technology, University of Napoli Federico II, Naples, 80125, Italy	Institute of Electrical and Electronics Engineers Inc.
7	North A.; Hargreaves D.	The Social and Applied Psychology of Music	2012	386	School of Life Sciences, Heriot Watt University, Edinburgh, United Kingdom; Roehampton University, London, United Kingdom	Oxford University Press
8	Guriev S.; Treisman D.	SPIN DICTATORS: THE CHANGING FACE OF TYRANNY IN THE 21ST CENTURY	2023	292	Sciences Po, Paris, France; University of California, Los Angeles, United States	Princeton University Press
9	Strangelove M.	Watching youtube: Extraordinary videos by ordinary people	2010	227	Department of Communication, University of Ottawa, Canada	University of Toronto Press
10	Antonakaki D.; Fragopoulou P.; Ioannidis S.	A survey of Twitter research: Data model, graph structure, sentiment analysis and attacks	2021	226	Technical University of Crete, University Campus, Akrotiri, Chania 73100, Crete, EL 090034024, Greece; Institute of Computer Science (ICS) of the Foundation for Research and Technology - Hellas (FORTH), N. Plastira 100 Vassilika Vouton, GR-700 13 Heraklion, Crete, EL 090101655, Greece	Elsevier Ltd

Jadual 2 berikut menunjukkan 10 dokumen penerbitan teratas yang paling kerap dirujuk (highly cited documents). Penelitian ke atas jadual tersebut, menunjukkan artikel bertajuk It's complicated: The social lives of networked teens yang ditulis oleh Boyd, D (2014) telah mendominasi senarai ini secara mutlak dengan rekod tertinggi sebanyak 2515 sitasi. Pencapaian ini memperlihatkan jurang impak yang amat besar dengan artikel di kedudukan hasil tulisan Roberts M.E. (2018) dengan 567 sitasi bertajuk Censored: Distraction and diversion inside China's great firewall. Artikel bertajuk A survey of Twitter research: Data model, graph structure, sentiment analysis and attacks yang ditulis oleh Antonakaki D; Fragopoulou P; Ioannidis S., dan diterbitkan pada tahun 2021 merupakan artikel yang menduduki tempat ke-10 dengan sitasi sebanyak 226. Manakala baki tujuh penerbitan lain dalam senarai ini secara puratanya memperoleh lingkungan sitasi antara 227 hingga 546 rujukan sahaja. Tambahan pula, artikel-artikel ini diterbitkan dengan penerbit akademik antarabangsa yang terkenal seperti Yale University Press, Princeton University Press, dan Cambridge University Press.

Tema 3: Pengarang dan organisasi berafiliasi yang paling produktif dalam penyelidikan berkaitan tingkah laku siber dan penapisan kendiri pelajar



Rajah 2. Dokumen penerbitan mengikut penulis



Rajah 3. Dokumen penerbitan mengikut afiliasi

Rajah 2 menunjukkan jumlah dokumen berdasarkan penulis, jumlah tertinggi menunjukkan bahawa No Author ID found mendahului senarai dengan lima dokumen, manakala di tempat kedua menunjukkan kepada empat penulis utama iaitu Griffiths, M.D., Lipschultz, J.H., Vaidhyanathan, S., dan Zhou, S. yang masing-masing meyumbang empat penerbitan, diikuti dengan penulis seperti Atkin, D., Coolsaet, R., Das, S., DeKeseredy, W.S., dan Fu, H. yang mempunyai jumlah penerbitan yang setara iaitu tiga dokumen bagi setiap individu. Taburan statistik yang agak mendatar dan seimbang dalam kalangan penulis teratas ini membuktikan dengan jelas bahawa kepakaran dalam lapangan ini tidak dimonopoli oleh tokoh atau individu tertentu.

Manakala Rajah 3 menunjukkan jumlah dokumen penerbitan berdasarkan afiliasi atau institusi pengajian tinggi. Analisis terhadap dapatan tersebut mendedahkan bahawa Chinese University of Hong Kong dan Monash University merekodkan sumbangan tertinggi iaitu sebanyak 11 dokumen, diikuti rapat oleh Nottingham Trent University dengan 10 dokumen. The University of Sydney dan University of Melbourne masing-masing mencatatkan 9 dokumen. 4 institusi pengajian tinggi yang masing-masing merekodkan 8 dokumen ialah Harvard University, University of Maryland, College Park, The University of Queensland, dan University of Cambridge. Institusi yang kedudukannya 10 terrendah University of Toronto melibatkan 7 dokumen. Secara keseluruhannya kesepuluh teratas bagi institusi-institusi pengajian tinggi yang terpilih ini merupakan intitusi yang berkualiti dan menduduki senarai 200 universiti dunia terkemuka dunia dan sangat aktif dalam penyelidikan. Di samping kedudukannya geografinya terletak di beberapa benua seperti Asia, Eropah dan Australia



Rajah 4. Dokumen penerbitan mengikut negara

Rajah 4 memaparkan jumlah taburan dokumen atau penerbitan mengikut negara, dapatan ini menunjukkan bahawa peningkatan jumlah dokumen yang sangat ketara dari tahun ke tahun, Amerika Syarikat mendominasi landskap penerbitan secara mutlak dengan penghasilan tertinggi sebanyak 265 dokumen, sekali gus mewujudkan jurang yang amat ketara dengan United Kingdom di kedudukan kedua yang merekodkan sekitar 150 dokumen. Negara Australia dan China pula berkongsi kedudukan seimbang dengan masing-masing menyumbang 67. Negara-negara lain yang tersenarai dalam 10 negara tertinggi adalah Kanada, Jerman, Hong Kong, Malaysia dan Sepanyol dengan jumlah dokumen antara 58 sehingga 19.

Tema 4: Tema utama dan topik baharu yang muncul dalam penyelidikan berkaitan tingkah laku siber dan penapisan kendiri pelajar



Rajah 5. Analisis jaringan (network visualization) ko-kemunculan kata kunci

Rajah 5 menunjukkan jaringan ko-kemunculan kata kunci yang mencerminkan struktur tematik dalam kajian tingkah laku pengguna siber dan penapisan kendiri. Empat kluster tematik utama dikenal pasti: (i) sosial media dan keselamatan siber; (ii) tingkah laku manusia dan buli siber (cyberbullying); (iii) internet, jantina, dan kesihatan mental; dan (iv) risiko serta maklumat palsu (misinformation). Kluster pertama (merah) iaitu media sosial (social media), keselamatan siber (cyber security) dan teknologi digital (digital technology) menumpukan pada hubungan antara media sosial dan isu keselamatan siber, manakala kluster kedua (hijau) iaitu tingkah laku manusia (human behaviour), remaja (adolescent) dan buli siber (cyberbullying) memberi tumpuan kepada kesan

psikologi penggunaan ruang digital, terutamanya dalam kalangan remaja. Kluster ketiga (biru) iaitu Internet, China, jantina (gender) dan kesihatan mental (mental health) mengaitkan internet dengan kawalan maklumat dan persepsi pengguna, sedangkan kluster keempat (kuning) iaitu risiko (risk), maklumat (information), maklumat palsu (misinformation) dan respons sosial (social response) menceritakan tentang risiko maklumat dan perilaku pengguna berkenaan kandungan digital. Keseluruhannya, penyelidikan ini menunjukkan perkembangan dari fokus teknologi ke perspektif interdisiplin yang melibatkan pelbagai faktor sosial dan psikologi, dengan penekanan pada peranan media sosial dalam keputusan pendedahan dan pengekalan maklumat pengguna.



Rajah 6. Analisis visualisasi kepadatan (density visualization) ko-kemunculan kata kunci

Rajah 6 menggambarkan kepekatan dan keterhubungan istilah yang digunakan dalam literatur berkaitan tingkah laku pengguna siber dan penapisan kendiri (self-censorship). Dalam peta kepadatan, kawasan kuning menunjukkan kepadatan kata kunci dan kekerapan kemunculan yang paling tinggi, kawasan hijau menunjukkan kepadatan sederhana, manakala kawasan biru menunjukkan kepadatan yang lebih rendah. Oleh itu, semakin terang warna kuning pada sesuatu kawasan, semakin dominan tema tersebut dalam korpus literatur yang dianalisis. Visualisasi ketumpatan ini menunjukkan bahawa penyelidikan mengenai tingkah laku pengguna siber kebanyakannya tertumpu pada media sosial dan tema tingkah laku berpusatkan manusia, dengan media sosial muncul sebagai salah satu titik tumpuan intelektual yang paling menonjol. Tema-tema teras ini dikelilingi rapat oleh privasi (privacy), pengawasan (surveillance), ketanpanamaan (anonimity), keselamatan siber (cyber security), buli siber (cyberbully), maklumat palsu (fake news), psikologi (psychology), sikap (attitude), dan penapisan (censorship). Pengagihan kata kunci mencadangkan bahawa penapisan diri tertanam dalam wacana antara disiplin yang lebih luas yang melibatkan komunikasi digital, privasi dan pengawasan, tindak balas psikologi, risiko dalam talian, dan faktor sosio-politik. Perlu diperhatikan, kepadatan terminologi khusus untuk penapisan kendiri yang lebih rendah berbanding dengan konsep yang lebih luas seperti media sosial dan tingkah laku manusia, menunjukkan bahawa penapisan kendiri masih tersebar di beberapa domain penyelidikan dan bukannya membentuk kawasan tema yang sepenuhnya tersusun.

Oleh itu, keempat-empat kluster ini saling berhubungan antara satu sama lain, ia juga selari dengan konsep yang dibawa oleh Islam dengan penggunaan istilah yang berbeza. Rajah 4 dan 5 menunjukkan bahawa kata kunci yang dikaji menunjukkan hubungan berasaskan prinsip-prinsip

Islam dan nilai etika akhlak iaitu dari aspek pengawalan dan tanggungjawab kendiri dalam penggunaan teknologi digital dalam mendepani pelbagai cabaran dan isu yang berkait dengan kepercayaan, kebenaran dan kepalsuan dalam penerimaan berita sama ada benar mahupun palsu. Dalam hal ini Islam telah meletakkan garis panduan bagi mengenalpasti sesuatu berita yang disampaikan dengan bertabayyun. Istilah tabayyun merupakan pencarian tentang kejelasan terhadap sesuatu maklumat sebelum disebar atau disampaikan bagi menghindari salah faham, fitnah atau berita bohong. Selain itu, keselamatan siber dan penjagaan privasi juga ditekankan dalam ajaran Islam bagi memelihara maruah atau kehormatan setiap individu. Islam telah melarang perbuatan tajassus iaitu sikap mencari-cari keburukan, kesalahan, atau aib orang lain. Bagi mencegah kesalahan penggunaan teknologi yang boleh mendatangkan kemudaratan, Islam telah menggunakan konsep maqasid al-Shariah dalam memelihara akal (ḥifẓ al-ʿaql), harta (ḥifẓ al-māl) dan maruah (ḥifẓ al-ʿirḍ) yang menjadi asas utama pembentukan tingkah laku dalam penggunaan teknologi siber.

Tema 5: Negara yang memberikan sumbangan signifikan dan mempunyai impak sitasi tertinggi dalam penyelidikan berkaitan tingkah laku siber dan penapisan kendiri pelajar



Rajah 7. Analisis penulisan bersama (co-authorship) berdasarkan negara

Rajah 7 menunjukkan jaringan penulisan bersama (co-authorship) antara negara dalam bidang kajian yang dianalisis. Secara keseluruhannya, jaringan tersebut memperlihatkan pola kolaborasi penyelidikan yang bersifat antarabangsa dan merentas wilayah, dengan United States muncul sebagai nod paling dominan dan berperanan sebagai pusat utama jaringan. Saiz nod serta kepadatan hubungan yang menghubungkan United States dengan pelbagai negara menunjukkan tahap keterlibatan dan kerjasama antarabangsa yang tinggi. Antara negara yang mempunyai hubungan ketara dengan United States ialah Canada, Germany, Spain, Italy, France, China, Australia, India dan beberapa negara Asia-Pasifik. China turut muncul sebagai pusat kolaborasi penting, khususnya dalam jaringan Asia, dengan hubungan yang menghubungkannya kepada Thailand, South Korea, Hong Kong dan negara-negara lain. Sementara itu, negara-negara Eropah seperti Germany, Spain, Italy, France, Switzerland, Sweden, Denmark dan Netherlands membentuk jaringan kolaborasi yang agak padat, menunjukkan kewujudan komuniti penyelidikan Eropah yang aktif. Dalam konteks Asia-Pasifik, Malaysia, Indonesia, Taiwan, Hong Kong, Australia, New Zealand, Japan dan South Korea menunjukkan pola kerjasama yang saling berkaitan. Secara keseluruhannya, pola penulisan bersama ini mencadangkan bahawa penyelidikan dalam bidang tersebut semakin berkembang sebagai

domain penyelidikan global, walaupun kolaborasi masih tertumpu kepada beberapa negara utama yang berfungsi sebagai pusat dan penghubung jaringan antarabangsa.



Rajah 8. Gandingan bibliografi (bibliographic coupling) berdasarkan negara

Rajah 8 menunjukkan jaringan gandingan bibliografi (bibliographic coupling) antara negara dalam bidang kajian yang dianalisis. Berbeza daripada jaringan penulisan bersama (co-authorship) yang mencerminkan hubungan kolaborasi secara langsung, gandingan bibliografi menggambarkan tahap persamaan intelektual antara negara berdasarkan perkongsian sumber rujukan yang digunakan dalam penerbitan mereka. Jaringan ini memperlihatkan struktur pengetahuan yang agak kompleks dan saling berkaitan, dengan United States muncul sebagai nod paling dominan dan berfungsi sebagai pusat utama jaringan. Kedudukan United States yang hampir di tengah serta hubungan yang meluas dengan United Kingdom, Canada, China, Australia dan beberapa negara Eropah menunjukkan bahawa penyelidikan dari negara tersebut mempunyai pertindihan asas rujukan yang tinggi dengan pelbagai komuniti penyelidikan antarabangsa. United Kingdom turut muncul sebagai pusat intelektual utama, khususnya melalui hubungannya dengan negara-negara Eropah Utara serta Amerika Utara dan Asia-Pasifik. Sementara itu, China dan Australia memainkan peranan penting dalam membentuk jaringan Asia-Pasifik, dengan hubungan yang jelas kepada United States, United Kingdom, Japan, South Korea dan New Zealand. Di Eropah, kelompok yang melibatkan Germany, France, Italy, Spain, Switzerland, Finland, Sweden, Denmark, Netherlands dan Belgium menunjukkan kewujudan komuniti pengetahuan yang mempunyai asas rujukan yang relatif serupa. Dalam konteks Asia Tenggara, Malaysia, Indonesia dan Singapore berada pada bahagian yang lebih terpinggir tetapi masih mempunyai hubungan dengan jaringan Asia Timur dan negara-negara Barat. Secara keseluruhannya, pola gandingan bibliografi ini menunjukkan bahawa bidang kajian mempunyai struktur intelektual yang bersifat global, dengan beberapa pusat pengetahuan utama menghubungkan komuniti penyelidikan dari Amerika Utara, Eropah dan Asia-Pasifik. Walau bagaimanapun, kewujudan kelompok pinggiran menunjukkan bahawa sesetengah negara masih membangunkan laluan intelektual yang lebih khusus dan kurang bersepadu dengan pusat jaringan global.

5. Kesimpulan

Kajian ini menyediakan gambaran menyeluruh tentang perkembangan penyelidikan global berkaitan tingkah laku siber dan penapisan kendiri pelajar. Dapatan yang menunjukkan dominasi tema seperti social media, cyberbullying dan fake news dapat membantu penyelidik, institusi pendidikan dan penyelidik memahami isu utama yang membentuk tingkah laku pelajar dalam ruang siber. Hal ini memberikan asas kepada pembangunan pendekatan pendidikan yang lebih responsif terhadap isu keselamatan, etika dan tingkah laku digital pelajar. Selain itu, kajian ini menghubungkan dapatan analisis bibliometrik dengan konsep adab digital Islam, khususnya prinsip tabayyun, kawalan kendiri, penjagaan maruah, privasi, amanah dan tanggungjawab dalam penggunaan teknologi. Pendekatan ini memperluaskan perbincangan tentang tingkah laku siber yang selama ini banyak ditinjau melalui perspektif teknologi, sosial dan psikologi kepada dimensi akhlak dan etika Islam. Integrasi ini merupakan unsur pembaharuan yang dapat memperkukuh perbincangan tentang pembentukan pengguna siber yang bukan sahaja celik digital, tetapi turut beretika dan bertanggungjawab.

Dapatan kajian menunjukkan implikasi mengenai keperluan untuk memperkukuh pendidikan literasi digital dengan mengintegrasikan elemen adab digital Islam, etika, kawalan kendiri dan tanggungjawab moral dalam penggunaan teknologi. Prinsip tabayyun dapat diterapkan bagi membimbing pelajar menilai kesahihan maklumat sebelum menyebarkannya, manakala nilai amanah, penjagaan maruah, kesantunan dan kawalan diri dapat membentuk tingkah laku digital yang beretika. Pendekatan ini dapat membantu institusi pendidikan melahirkan pelajar yang bukan sahaja celik teknologi, tetapi turut mampu menggunakan ruang siber secara bertanggungjawab berlandaskan nilai Islam. Selain itu, pemetaan tema seperti misinformation, disinformation, hate speech, cyberbullying, cybersecurity dan ethical technology menunjukkan ruang penyelidikan yang masih boleh diterokai. Kajian akan datang boleh membangunkan kajian empirikal bagi menguji hubungan antara adab digital Islam, penapisan kendiri dan tingkah laku siber pelajar, khususnya dalam konteks pendidikan.

Penghargaan

Penulis merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian ini. Kajian ini tidak menerima sebarang dana atau geran penyelidikan.

Rujukan

[1] Suler, John. "The online disinhibition effect." *Cyberpsychology & behavior* 7, no. 3 (2004): 321-326. https://doi.org/10.1089/1094931041291295

[2] Karayol, Metin, Talha Murathan, Ramazan Erdoğan, Mehmet Akarsu, Muhammet Baş, and Göktuğ Norman. "Investigating the relationship between digital citizenship levels and cyberbullying attitudes of university students." *Frontiers in psychology* 16 (2025): 1664397. https://doi.org/10.3389/fpsyg.2025.1664397

[3] Das, Sauvik, and Adam Kramer. "Self-censorship on Facebook." In *Proceedings of the International AAAI Conference on Web and Social Media*, vol. 7, no. 1, pp. 120-127. 2013. https://doi.org/10.1609/icwsm.v7i1.14412

[4] Vitak, Jessica, Stacy Blasiola, Sameer Patil, and Eden Litt. "Balancing audience and privacy tensions on social network sites: Strategies of highly engaged users." *International Journal of Communication* 9 (2015): 20-20.

[5] Donthu, Naveen, Satish Kumar, Debmalya Mukherjee, Nitesh Pandey, and Weng Marc Lim. "How to conduct a bibliometric analysis: An overview and guidelines." *Journal of business research* 133 (2021): 285-296. https://doi.org/10.1016/j.jbusres.2021.04.070

[6] Salsabila, Aulia, and Muhammad Rafi'i. "Maintaining Social Harmony through Social Media: An Islamic Perspective on the Digital World." In *Proceeding International Seminar of Islamic Studies*, pp. 1578-1583. 2025. https://doi.org/10.3059/insis.v0i0.23498

[7] Marwick, A. & Boyd, D. (2010). I Tweet honestly, I tweet passionately: Twitter users, context collapse, and the imagined audience. *New Media & Society*. 20. 1-20. https://doi.org/10.1177/1461444810365313
[8] Goffman, E. (1959). *The presentation of self in everyday life*. Vol. 21. London: Harmondsworth
[9] Yunita, Ita, Anis Saidah, and Muhammad Fahmi. "The imperative of integrating knowledge and adab in reconstructing Islamic education in the digital era: A study of Al-Attas's thought." *J-PAI: Jurnal Pendidikan Agama Islam* 11, no. 2 (2025). https://doi.org/10.18860/jpai.v11i2.32660
[10] Shafira, Zira. "Islamic Digital Ethics in The Era of Deepfake: an Analysis of Technological Mediation." In *Proceedings of International Conference on Religion, Social and Humanities*, vol. 4, pp. 379-386. 2025. https://doi.org/10.31958/proceedingsoficresh.v4i.123
[11] Meerangani, Khairul Azhar, Ahmad Faqih Ibrahim, Muhammad Yasin Omar Mukhtar, Muhammad Hilmi Mat Johar, Adam Badhrulhisham, and Khazri Othman. "Implementation of islamic cyber ethics on digital platform use." *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development* 12, no. 1 (2023): 536-547. https://doi.org/10.6007/IJARPED/v12-i1/14562
[12] Mardi, Irdina Ilmuna, Siti Nur Shakeyra Balqis Bahrum, Aleeya Safira Ahamad Zaih, Farah Anisah Ismail, Adi Amri Mohd Efandi, and Muhammad Luqman Nulhakim Azman. "Etika dan Adab Islam dalam Penggunaan Media Sosial: Cabaran dan Implikasi Kontemporari." *E-Journal of Islamic Thought & Understanding* 7, no. 1 (2024): 118-127. https://doi.org/10.24191/ejitu.v7i1.7332
[13] Anandari, Anatansyah Ayomi, and Dwi Afriyanto. "Urgensi sikap toleransi umat beragama dalam transformasi masyarakat era Society 5.0 perspektif Islam." *IN RIGHT: Jurnal Agama Dan Hak Azazi Manusia* 11, no. 1 (2022): 69-89. https://doi.org/10.14421/inright.v11i1.2540
[14] Verbeek, Arnold, Koenraad Debackere, Marc Luwel, and Edwin Zimmermann. "Measuring progress and evolution in science and technology–I: The multiple uses of bibliometric indicators." *International Journal of management reviews* 4, no. 2 (2002): 179-211. https://doi.org/10.1111/1468-2370.00083
[15] Wu, Yen-Chun Jim, and Tienhua Wu. "A decade of entrepreneurship education in the Asia Pacific for future directions in theory and practice." *Management Decision* 55, no. 7 (2017): 1333-1350. https://doi.org/10.1108/MD-05-2017-0518
[16] Fahimnia, Behnam, Joseph Sarkis, and Hoda Davarzani. "Green supply chain management: A review and bibliometric analysis." *International journal of production economics* 162 (2015): 101-114. https:///doi.org/10.1016/j.ijpe.2015.01.003
[17] Meier, Matthias. "Knowledge management in strategic alliances: A review of empirical evidence." *International journal of management reviews* 13, no. 1 (2011): 1-23. https://doi.org/10.1111/j.1468-2370.2010.00287.x
[18] Martins, José, Ramiro Gonçalves, and Frederico Branco. "A bibliometric analysis and visualization of e-learning adoption using VOSviewer." *Universal Access in the Information Society* 23, no. 3 (2024): 1177-1191. https://doi.org/10.1007/s10209-022-00953-0
[19] Van Eck, Nees Jan, and Ludo Waltman. "Software survey: VOSviewer, a computer program for bibliometric mapping." *scientometrics* 84, no. 2 (2010): 523-538. https://doi.org/10.1007/s11192-009-0146-3
[20] Appio, Francesco Paolo, Antonella Martini, Silvia Massa, and Stefania Testa. "Unveiling the intellectual origins of social media-based innovation: insights from a bibliometric approach." *Scientometrics* 108, no. 1 (2016): 355-388. https://doi.org/10.1007/s11192-014-1329-0
[21] Zhao, Xianbo. "A scientometric review of global BIM research: Analysis and visualization." *Automation in construction* 80 (2017): 37-47. https://doi.org/10.1016/j.autcon.2017.04.002
[22] Allahverdiyev, Murad, and Yucehan Yucesoy. "Development stages and types of glass art from past to present." *Ponte* 73, no. 4 (2017): 224-238. https://doi.org/10.21506/j.ponte.2017.4.53
[23] Liu, Weishu, Guangyuan Hu, Li Tang, and Yuandi Wang. "China's global growth in social science research: Uncovering evidence from bibliometric analyses of SSCI publications (1978–2013)." *Journal of informetrics* 9, no. 3 (2015): 555-569. https://doi.org/10.1016/j.joi.2015.05.007